

Kerajaan negeri mahu kuota pelajar ditambah

AL MUKHTAFI BILLAH SHAH – Kerajaan negeri mahu kuota khas pelajaran untuk anak Terengganu dengan tajaan, ditambah bagi membolehkan lebih ramai anak negeri melanjutkan pengajian di universiti tempatan.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman berkata, pihaknya akan menghantar permohonan rasmi kepada kerajaan Pusat agar kuota khas tajaan melalui agensi seperti Mara dan

Jabatan Perkhidmatan Awam ditambah.

Menurut beliau, tindakan kerajaan negeri menghantar sendiri pelajarnya ke luar negara menyebabkan kuota untuk anak Terengganu berkurangan.

"Ketika ini, kita menghantar seramai 150 pelajar untuk mengikuti kursus perubatan di luar negara.

"Jika kita mendapat kuota di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), kita boleh ku-

rangkan jumlah itu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas mengadakan lawatan kerja ke Kolej Antarabangsa Mara Ketengah (MKIC), dekat sini, kelmarin.

Katanya, buat masa ini, kerajaan negeri banyak menggunakan bajet negeri bagi membiayai pengajian anak Terengganu sedangkan peruntukan tersebut boleh digunakan bagi menyelesaikan pelbagai masalah rakyat.



Ahmad Razif (tiga, kiri) menerangkan sesuatu kepada pegawai pendidikan ketika mengadakan lawatan kerja ke MKIC dekat AMBS, pagi kelmarin.

SINAR HARIAN 4/12/2014